



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**24 SEPTEMBER 2022 (SABTU)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**24 SEPTEMBER 2022 (SABTU)**

## Dapatkan stok barang bantuan dari luar negeri dilanda banjir

**KUALA TERENGGANU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menasihati pihak sukarelawan atau individu, yang ingin menghulurkan bantuan barang makanan dan keperluan asas kepada mangsa banjir pada musim tengkujuh nanti, supaya mendapatkan stok dari luar negeri yang dilanda bencana.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata ia bagi memastikan stok bekalan makanan dan keperluan asas di negeri yang terjejas, sentiasa mencukupi buat penduduk setempat.

"Kita juga minta mereka (sukarelawan dan individu yang ingin menghantar bantuan) supaya mengutamakan produk keluaran Malaysia, ketika membeli barang buat mangsa banjir sebagai menyokong usahawan dan peniaga tempatan," katanya kepada pemberita selepas meninjau Program Jualan Murah Keluarga

Malaysia di IQI Mart di Kampung Beladau Kepong, di sini pada Jumaat.

Dalam pada itu Rosol berkata, seperti yang dilaksanakan pada musim tengkujuh sebelum ini, KPDNHEP telah memberi kebenaran kepada pemborong dan peruncit terpilih di setiap daerah yang berisiko dilanda banjir, untuk menyimpan stok bekalan makanan dan barang keperluan 30 peratus melebihi kebiasaan.

Katanya, langkah tersebut diambil bagi memastikan bekalan di lokasi yang dilanda banjir tidak terjejas dan sentiasa mencukupi.

Dalam perkembangan lain Rosol meminta pengguna supaya berhati-hati dan peka, ketika membeli barang khususnya makanan termasuk di platform e-dagang, serta memastikan produk tersebut menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau badan pensijilan luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM.

Beliau berkata, siasatan KPDNHEP setakat ini mendapati, isu tular membabitkan produk gula-gula yang didakwa mengandungi unsur babi dan lengkap dengan logo halal yang tidak diiktiraf JAKIM itu, bukan berlaku di negara ini.

"Bagaimanapun, KPDNHEP tetap membuat pemantauan terutama di platform e-dagang dan menggesa orang ramai menyururkan aduan, sekiranya terdapat produk seumpamaanya di pasaran, bagi membolehkan tindakan diambil.

"Saya juga menyeru pengguna supaya sentiasa semak label dan penandaan halal pada sesuatu produk. Jika ada keraguan, boleh laporan kepada KPDNHEP atau JAKIM dan kita akan siasat untuk tindakan lanjut," katanya pada Jumaat.

Beliau berkata, kementerian akan mengambil tindakan tegas jika terdapat pihak yang didapati mengelirukan pengguna mengenai perihal halal sesuatu produk. - Bernama



Rosol (kiri) membuat tinjauan bekalan minyak masak paket pada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia di Kampung Beladau Kepong pada Jumaat

Jual RON95 kepada warga asing

## 29 pengusaha stesen minyak kena tindakan

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil tindakan ke atas 29 pengusaha stesen minyak kerana menjual minyak petrol RON95 kepada warga asing di seluruh negara.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam, berkata kes tertinggi penjualan minyak petrol RON95 kepada pemilik kenderaan asing adalah di Johor, iaitu sebanyak 10 kes, Kelantan (lapan), Kedah (lima), Sarawak (tiga), Perlis (dua) dan satu kes di Melaka.

Katanya, KPDNHEP menerima 52 aduan mengenai kes penjualan minyak petrol RON95 kepada pemilik kenderaan asing sejak awal tahun hingga kelmarin.

"Daripada pemeriksaan dan siasatan berdasarkan aduan itu, sebanyak 29 kes berjaya dihasilkan di seluruh negara.

"Antara kesalahan dikesan dilakukan pengusaha stesen minyak itu adalah pelanggaran mengikut Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya kepada *BH* ketika dihubungi, semalam.

Denda sehingga RM2j jika jual RON95 kepada warga asing

Keratan akbar  
*BH* 16 September  
lalu.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan pihak yang tidak bertanggungjawab apabila mendakwa KPDNHEP gagal mengambil tindakan ke atas pengusaha minyak yang menjual minyak petrol RON95 dan diesel kepada kenderaan asing.

Mengulas lanjut, Azman berkata, pengusaha dilarang menjual minyak bersubsidi itu kepada semua pemilik kenderaan yang menggunakan nombor pendaftaran asing.

"Kita tidak berdiam diri, sebaliknya pegawai dan anggota penguat kuasa KPDNHEP sentiasa melakukan pemantauan bagi memastikan bekalan bahan bakar itu tidak dijual sewenangnya kepada pemilik kenderaan asing, selepas pembukaan pe-

nuh sektor ekonomi dan pintu sempadan negara sejak April lalu.

"Aktiviti lebih agresif dilakukan oleh pegawai dan anggota penguat kuasa melalui Ops Pantau," katanya.

**Tingkat penguatkuasaan**  
Azman berkata, bagi memastikan tiada ketirisan penjualan minyak petrol RON95 dan diesel, KPDNHEP sedang mempergiatkan penguatkuasaan untuk memastikan semua pemilik kenderaan yang menggunakan nombor pendaftaran asing termasuk mofosikal tidak dibenarkan untuk mengisi bahan bakar itu.

Bagaimanapun, katanya, pemilik kenderaan asing dibenarkan untuk mengisi minyak RON97 di semua stesen minyak di seluruh negara.

"Pengusaha stesen minyak yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan jika disabitikan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta manakala RM3 juta jika melakukannya kembali kesalahan berikutnya.

"Orang perseorangan yang didapati bersalah menjual minyak

Kita tidak berdiam diri, sebaliknya pegawai dan anggota penguat kuasa KPDNHEP sentiasa melakukan pemantauan bagi memastikan bekalan bahan bakar itu tidak dijual sewenangnya kepada pemilik kenderaan asing, selepas pembukaan penuh sektor ekonomi dan pintu sempadan negara sejak April lalu.



Azman Adam,  
Ketua Pengarah Penguat Kuasa  
KPDNHEP

petrol RON95 dan diesel kepada kenderaan asing boleh dikenakan hukuman penjarा tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Azman berkata, syarikat yang didapati bersalah menjual kedua-dua bahan bakar itu pula boleh didenda tidak melebihi RM2 juta, manakala RM5 juta jika melakukan kesalahan kedua.

Katanya, KPDNHEP tidak

akan berkompromi dan mene-gasikan kepada semua pihak terutama pengusaha stesen minyak agar sentiasa mematuhi perundangan ditetapkan bagi mengelakkkan dikenakan tindakan yang tegas.

"Selain memantau melalui kamera litar tertutup (CCTV), orang ramai juga diminta memberi kerjasama dengan membuat laporan kepada KPDNHEP," katanya.

**JUAL MINYAK RON95  
KEPADА KENDERAAN ASING**

**29 pengusaha  
kena tindakan**

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil tindakan terhadap 29 pengusaha stesen minyak di seluruh negara selepas didapati menjual petrol RON95 kepada kenderaan asing.

Ketua Pengarah Penguasa KPDNHEP Azman Adam berkata, kes tertinggi direkodkan di Johor iaitu sebanyak 10 kes, Kelantan (lapan), Kedah (lima), Sarawak (tiga), Perlis (dua) dan satu kes di Melaka.

Katanya, terdahulu pihaknya menerima sebanyak 52 aduan mengenai kes penjualan petrol RON95 kepada kenderaan asing sejak awal tahun ini hingga kelmarin.

"Daripada pemeriksaan dan siasatan dibuat, sebanyak 29 kes berjaya dihasilkan di seluruh negara.

"Antara kesalahan dikecualian dilakukan pengusaha stesen minyak itu adalah pelanggaran di bawah Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Azman berkata demikian mengulas dakwaan bahawa KPDNHEP gagal mengambil tindakan ke atas pengusaha stesen minyak yang menjual petrol RON 95 dan diesel kepada kenderaan asing.

Azman berkata, pengusaha stesen minyak di negara ini dilarang untuk menjual petrol bersubsidi

itu kepada semua kenderaan bermotor pendaftaran asing.

"Kita tidak berdiam diri, sebaliknya pegawai dan anggota penguat kuasa KPDNHEP melakukan pemantauan bagi memastikan bekalan bahan bakar itu tidak dijual sewenang-wenangnya kepada kenderaan asing selepas pembukaan penuh sektor ekonomi dan pintu sempadan negara sejak April lalu.

"Bagi memastikan tiada ketirisan penjualan petrol RON95 dan diesel, KPDNHEP mempergiatkan penguatkuasaan untuk memastikan semua kenderaan asing termasuk motosikal tidak dibenarkan untuk mengisi bahan bakar itu," katanya.

Menurutnya, pengusaha stesen minyak yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta manakala RM3 juta jika melakukan kesalahan berikutnya.

Katanya, orang perseorangan yang didapati bersalah menjual petrol RON95 dan diesel kepada kenderaan asing juga boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"KPDNHEP tidak akan berkompromi dan pengusaha stesen minyak diminta sentiasa mematuhi undang-undang," katanya.

## 29 pengusaha jual RON95 kepada warga asing

**PUTRAJAYA** – Seramai 29 pengusaha stesen minyak di seluruh negara dikenakan tindakan kompaun selepas didapati menjual petrol bersubsidi RON95 kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, sebanyak 52 aduan telah diterima pihaknya berhubung kejadian penjualan petrol RON95 kepada kenderaan asing sejak awal tahun ini sehingga kelmarin.

“Daripada aduan yang diterima, sebanyak 29 kes telah berjaya diambil tindakan susulan pemeriksaan dan siasatan yang dilakukan di mana antara kesalahan yang dikesan adalah pelanggaran di bawah Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

“Kes tertinggi direkodkan adalah di Johor dengan 10 kes diikuti Kelantan (apan), Kedah (lima), Sarawak (tiga), Perlis (dua) dan Melaka (satu),” katanya ketika dihubungi semalam.

Azman berkata, KPDNHEP akan melihat beberapa perkara sebelum sebarang tindakan diambil termasuk melihat

langkah-langkah yang telah diambil pengusaha dalam usaha mengelakkan berlaku penjualan petrol bersubsidi kepada kenderaan asing.

“Ada kes di mana berlaku juga penjualan walaupun langkah-langkah pencegahan telah diambil jadi kita akan lakukan siasatan menyeluruh termasuklah melihat rekod jual beli, rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) dan sebagainya,” jelas beliau.

Menurut Azman, pegawai dan anggota penguat kuasa kementerian sentiasa melakukan pemantauan bagi memastikan bekalan bahan bakar itu tidak dijual sewenang-wenangnya kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing.

Tambah Azman, pengusaha stesen minyak yang dikesan melakukan kesalahan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 112) dan didenda tidak melebihi RM1 juta dan RM3 juta untuk kesalahan berikutnya.

“KPDNHEP tidak akan berkompromi dan pengusaha stesen minyak diminta sentiasa mematuhi undang-undang bagi mengelakkan dikenakan tindakan yang tegas,” ujar beliau.

## 2,560 utas jam tangan tiruan bernilai RM25,600 dirampas

**KOTA BHARU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan merampas 2,560 utas jam tangan jenama terkenal tiruan menggunakan cap dagangan tanpa kebenaran di sini kelmarin.

Pengarah KPDNHEP Kelantan, Azman Ismail berkata, kesemua barang bernilai RM25,600 itu dirampas dalam serbuan di sebuah stor di sini selepas pihaknya menerima aduan daripada wakil pemilik cap dagang produk tersebut.

Menurutnya, pihaknya menjalankan intipan selama seminggu sebelum serbuan dilakukan di premis berkenaan.

"Pemeriksaan di dalam stor itu kemudiannya menemui pelbagai jenis jam tangan getah yang terdiri daripada jenama terkenal.

"Siasatan awal mendapati, pemilik premis itu membeli kesemua barang itu dari luar negara sebelum dijual secara dalam talian," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Azman, pemilik premis itu dikesan melakukan jualan secara langsung di media sosial dan mampu memperoleh keuntungan yang tinggi.

Katanya, KPDNHEP Kelantan memberi amaran kepada indi-



**ANGGOTA** penguat kuasa KPDNHEP memeriksa jam tangan tiruan yang dirampas dalam serbuan di sebuah stor di Kota Bharu kelmarin.

vidu atau peniaga supaya berhenti daripada melakukan kegiatan penjualan barang tiruan dan tindakan tegas akan dikenakan sekiranya mereka yang terbabit ditangkap.

Tambahnya, kes berkenaan dislasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019 kerana melakukan kesalahan mempunyai barang dalam milikan dan kawalan bagi maksud perdagangan.

## BENGKEL UBAH SUAI MOTOSIKAL DIGEMPUR

# 9 BERSUBAHAT!

Georgetown

**P**olis Pulau Pinang menjalankan pemeriksaan ke atas 21 bengkel kendaraan khususnya motosikal yang disyaki terlibat dalam pengubahsuaian bagi kegiatan lumba haram atau samseng jalanan.

Operasi bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNDHEP); Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP); dan Majlis Bandaraya Seberang Perai dijalankan dalam usaha membanteras pengubahsuaian motosikal bagi kegiatan mat rempit, lumba haram dan samseng jalanan.

Operasi berkenaan dijalankan serentak di seluruh Pulau Pinang bermula jam 3 petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Sofian Santong berkata, berdasarkan risikan dan intipan dijalankan, pihaknya mengenal pasti sembilan bengkel di daerah itu dipercayai terbabit dalam pengubahsuaian bagi kegiatan lumba haram dan

samseng jalanan.

"Bengkel-bengkel berkenaan berjaya dikenal pasti menjalankan pengubahsuaian motosikal itu hasil siasatan yang dijalankan polis ekoran kemalangan maut membabitkan sekumpulan lelaki berlaku di Lebuh Raya Tun Dr Lim Chong Eu pada 17 Julai lalu," katanya selepas mengetui operasi itu di kawasan Tanjung Bungah.

Menurut Sofian, sebanyak dua bengkel motosikal diperiksa termasuk satu daripadanya beroperasi di kawasan perumahan dan ter-

sorok di kawasan terbabit serta pemeriksaan mendapati kedua-duanya yang menjalankan pengubahsuaian motosikal untuk lumba haram itu tiada lesen perniagaan.

Dalam pemeriksaan di bengkel pertama, pihaknya berjaya mengesan beberapa motosikal diubahsuai disyaki digunakan untuk tujuan perlumbaan haram oleh geng mat rempit dan pihak KPNDHEP turut menjalankan pemeriksaan bagi memastikan ketulenan alat ganti serta aksesori yang di-

jual di situ.

"Pemeriksaan kami juga mendapati bengkel itu turut dilengkapi dengan makmal dyno yang bertujuan menjalankan ujian dan meningkatkan keupayaan serta kelajuan motosikal. Kita tidak menolak kemungkinan ia digunakan untuk lumba haram," katanya.

Beliau berkata, dalam pemeriksaan di bengkel kedua yang beroperasi di sebuah rumah itu mendapati terdapat puluhan motosikal serta rangka motosikal di situ dan pemeriksaan dijalankan dari segi rekod sama ada pernah dilaporkan hilang, dicuri atau pelbagai lagi.

"Pemilik bengkel itu memberi alasan motosikal dan rangka motosikal berkenaan ditinggalkan oleh pemilik-pemiliknya namun tidak dituntut semula hingga sekarang dan kami akan jalankan siasatan lanjut berhubung perkara terbabit. Tiga motosikal turut disita dari bengkel itu kerana menjalankan pengubahsuaian tanpa kebenaran dan ia dipercayai digunakan untuk berlumba haram," katanya.

Menurutnya, tiga notis dikeluarkan oleh JPJ ke atas dua bengkel terbabit kerana menjalankan pengubahsuaian tanpa lesen sah.



SOFFIAN memeriksa motosikal yang diubah suai ketika operasi bersepadu pemeriksaan bengkel motosikal di Tanjung Bungah, Georgetown. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : SABTU  
TARIKH : 24/09/2022  
M/SURAT : 16

	<b>Senarai Harga Barang Keperluan</b>				
• Ayam	<b>RM7.49</b>	• Telur Gred A	<b>RM13.05</b>	• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM38</b>	• Ikan Kembung	<b>RM12.50</b>	• Bawang Besar Holland	<b>RM3.29</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM53.90</b>	• Minyak Masak	<b>RM6.70</b>	• Bawang Putih	<b>RM5</b>
				• Cili Merah	<b>RM9.90</b>
				• Kubis Tempatan	<b>RM4</b>
				• Tepung Gandung	<b>RM2.60</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP